

KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN KITA KEPADA MASYARAKAT

Kalau Ingin Memperjuangkan Islam

“Jalan yang akan kita lalui tiada berbeza pada asasnya dengan jalan yang telah dilalui umat Islam dahulu dan senjata yang mesti kita sediakan ialah senjata yang telah digunakan oleh mereka dahulu iaitu iman, sebab musuh tidak membunuh kita terang-terangan dengan senjata tajam, tetapi senjata musuh yang digunakannya sepanjang masa ialah senjata batin untuk menakluk roh kita dan iman kita...” kata tuan “Mukmin” dalam kupasannya ini – Pengarang Qalam
(oleh: Mukmin)

Perjuangan menuju cita-cita Islam dan mencari keredhaan Allah tidaklah semudah perjuangan dan pekerjaan menuju cita-cita hati sendiri atau mencari keredhaan satu-satu pihak yang tertentu, atau umpama melayar bahtera, lautan teduh, angin sepoi dan airnya tenang, atau ibarat menjalankan motokar di jalan datar luas dan lega, atau ibarat mendaki kapal udara, waktu cuaca baik. Kita satu-satu masa terpaksa menghadap ribut, taufan dan gelombang besar, satu-satu masa terpaksa mendaki gunung menurun lurah merentas belantara rimba yang gelap, atau satu-satu ketika bertemu dengan binatang liar dan ganas yang tak mengenal perikemanusiaan, ujian-ujian seumpama ini akan menemui kita di satu-satu saat dan ketika dan di situlah tempatnya menentukan kita apa kita betul yakin atau cuma pura-pura. Sebab itu Tuhan pernah mengingatkan umat Islam dengan firman-Nya: (Maksud-Nya) ada manusia menyangka manakala mulutnya mengata aku beriman setelah itu terus ditinggalkan begitu sahaja, tidak diuji, sesungguhnya kami telah menguji mereka yang dahulu daripada kamu dan sesungguhnya Allah amat mengetahui siapa mereka yang benar beriman dan

Allah amat mengetahui siapa yang bebohong. 2 – 3 *al-‘Ankabūt*).

Menghadap tekanan dan penganiyaan manusia bukanlah bagaimana bandingannya seperti mendaki gunung, menurun lurah dan bukan ibarat menghadap gelombang besar dalam pelayaran atau seperti menghadap keganasan haiwan di hutan belantara, tetapi manusia akan menghadap dugaan fitnah dari saudaranya jenis manusia lebih dari itu, kerana manusia dengan sifatnya yang begitu baik, dengan panduan akalunya memang ada yang meningkat ke darjat malaikat atau lebih tinggi daripadanya, bagaimana *anbiyā’* dan *awliyā’*, dalam pada itu kita akan menjumpai manusia dengan panduan nafsunya lebih kasar dari penghuni belantara, singa, harimau, beruang dan sebagainya. Hakikat kita perbandingkan jumlah insan yang telah terkorban oleh keganasan haiwan-haiwan tadi, dengan insan yang telah terkorban oleh keganasan tangan manusia sendiri. Kalau setahun jarang seorang manusia dikorbankan oleh harimau, singa dan beruang, tetapi beribu-ribu setahun bahkan sepanjang masa tak berhenti-henti manusia mengorbankan jenisnya berbunuh-bunuhan antara mereka sesama bani insan yang

asalnya dari satu ibu dan satu bapa iaitu Adam dan Hawa.

Allah telah menegaskan dalam ayat di atas tadi iaitu Tuhan telah menguji umat Islam yang dahulu daripada kita dan yang dahulu daripada Nabi kita seperti Nabi Adam dan Nuh dengan umatnya, Nabi Ibrahim dengan Namrudnya, Nabi Musa dengan Firaunnya dan Nabi kita *ṣallāllahu ‘alaihī wasalam* dengan Abū Jahal, hingga jelaslah kepada kita tiada satu Nabi atau sesuatu agama dapat dilancarkan dengan jalan-jalan mudah kecuali setelah diuji difitnah dan dicuba dengan berbagai-bagai percubaan dan dari situlah Tuhan dapat menyaksikan siapa hanba-hambanya yang benar-benar beriman dan siapa pula yang bohong dan pura-pura.

Bagi pihak yang bercita-cita menipu kembali dan membaharui seruan Rasul dalam masyarakat yang sedang tenat ini dapat menyaksikan kebenaran apa yang telah difirmankan Tuhan itu, kerana sebagai persatuan Islam yang baharu tumbuh beberapa tahun dalam tempoh setahun ini mereka telah difitnahkan dengan dua fitnah yang besar-besar yang berlawanan, kalau beberapa bulan dahulu persatuan ini dicop dengan perkakas penjajah ke Timur dan ke Barat, tetapi suara-suara tuduhan itu masih berdesing di telinga dan bibir yang mengucapkannya itu masih basah lagi, tiba-tiba tuduhan itu besar paling pula konon perjalanan persatuan Islam sama dengan Komunis, seolah-olah awal tahun kita jadi perkakas penjajah nombor satu dan akhir tahun jadi perkakas penjajah Komunis nombor satu pula. Sebaliknya mereka yang melantang-lantangkan suaranya ke angkasa hendak menendang penjajah dan menanamnya hidup-hidup itu terus berpaling pula jadi sahabat yang berpaling dikasihi dan mati-matian mempertahankan polisi rakannya.

Kita umat Islam memang tahu bahawa Islam bukanlah satu agama atau falsafah hidup yang boleh sesuai

atau disesuaikan dengan polisi penjajah Barat atau pun penjajah Timur, kerana Islam sentiasa mendidik kita supaya berjiwa merdeka dari segala-galanya, kecuali satu jenis perhambaan iaitu menghambakan diri kepada Allah semata-mata. Kita dilatih mesti melepaskan diri dari segala jenis perhambaan dan persembahan, Islam mempunyai cara hidup sendiri, pendidikan sendiri, iktisad sendiri, akhlak sendiri dan segala-galanya tersendiri mengikut panduan kitab Allah, lepas bebas dari segala pengaruh dan kongkongan.

Ada saudara-saudara kita mengajak kita jadi umat Islam yang sanggup makan di tangan atau ditonjol di hidung, kalau satu masa kita diajak melutut di hadapan maharaja singa, harus satu masa yang lain mereka akan mengajak pula kita melutut di hadapan maharaja beruang, dan boleh jadi pula satu waktu yang lain kita akan diajak mereka tunduk di hadapan maharaja naga yang bercula! Apakala kita sanggup bersikap demikian barulah itu dianggap baik dan berpendirian Islam dan di situlah kalau hendak diberi gelaran pahlawan dan sebagainya, tetapi selagi kita bersikap sendiri, tidak ingin jadi pak turut, selagi itulah kita akan difitnah dan dicuba.

Umat Islam sayugia mengetahui, jalan menuju cita-cita Islam tiada siapa akan menyediakannya dengan jalan-jalan cantik, licin, bertabur bunga rampai yang semerbak harum, dihias kiri kanan dengan taman-taman indah, dan disediakan pula dengan kenderaan yang mengagumkan. Tidak! Tidak ada itu semua, tetapi jalan kita, kita rintis sendiri dari jalan-jalan gelap, jalan-jalan sulit, jalan-jalan yang penuh bahaya dan ranjau, yang akan merintanginya ke jalan Allah tetapi di situ ujian kita dan di situ maksud Tuhan dalam ayat di atas.

Bagaimana umat Islam dahulu kecil, lemah dan daif dalam serba serbi dari segi kebendaan dan berada di antara jumlah kebesaran umat-umat Parsi dan Rom yang telah berbahagi dua dunia ini antara mereka, mereka mempunyai angkatan perang yang besar dan pahlawan-pahlawan yang mahir dan terlatih, dan mempunyai tenaga manusia dan kekuatan iktisad yang cukup, bahkan mempunyai kekuatan beribu kali ganda dari umat Islam, ahli-ahli sejarah dunia hingga hari ini belum dapat membayangkan secara logik bagaimana Islam bangkit di antara dua kuasa besar dan meleburkannya sekali, walhal masanya terlalu singkat dan dengan segala kekurangan mata benda? Sebenarnya, kekuatan yang ada pada saudara-saudara kita umat Islam masa itu ialah kekuatan roh tauhid yang menyala-nyala dan iman yang tak mengenal *nifāq* dan kepentingan diri, imanlah senjata mereka hingga kejayaan mereka tidak terduga oleh ahli-ahli sejarah dunia. *Wal yanşurunna Allāh man yanşurohu inna Allāh laqawīyyun ‘azīz.*

Jalan yang akan kita lalui tiada beza pada asasnya dengan jalan yang telah dilalui umat Islam dahulu, dan senjata yang mesti kita sediakan ialah senjata yang telah digunakan oleh mereka dahulu iaitu iman, sebab musuh tidak membunuh kita terang-terangan dengan senjata tajam, tetapi senjata musuh yang digunakannya sepanjang masa ialah senjata batin untuk menakluk roh kita dan iman kita, manakala iman kita telah ditakluknya masa itu kita berdiri bagi pihaknya mengorbankan segala perjuangan saudara-saudara kita sendiri bahkan tangan kita itu lebih kasar dan lebih keras tindasnya ke atas gerakan Islam yang benar, sebab itu umat Islam yang sedang bangun memperjuangkan

agamanya terpaksa berhadapan dengan saudara-saudaranya sendiri yang telah jadi galang ganti musuh, akhirnya lihatlah bagaimana imam *Ikhwān al-Muslimīn* al-Sheikh Hassan al-Banna telah dikorbankan oleh tangan saudaranya umat Islam, dirancangan oleh orang Islam, dan konon kerana maslahat Islam akhirnya Ikhwanul Muslimin dikatakannya *Ikhwān al-Shayāṭīn* tetapi memang telah jadi sunnah Allah tiap-tiap bangkit satu kezaliman timbullah di sana pembelanya, pada masa Namrud ada Nabi Ibrahim, pada masa Firaun ada Nabi Musa pada masa Abū Jahal ada nabi kita Muhammad *ṣallāllahu ‘alāihi wasalam.* Benarlah pepatah mengatakan tiap-tiap Firaun ada Musanya. Dari itu kalau betul ingin memperjuangkan Islam sudah tentu akan kita temui apa yang telah ditemui umat Islam yang dahulu.

Sudahkah tuan berlanggan dengan majalah

QALAM

Berdasarkan al-Qur’an dan al-ḥadīth al-Sharīf!

kalaupun belum, berlangganlah sekarang juga!

Harga langganan:

6 bulan	\$4.20
---------	--------

12 bulan	\$8.40
----------	--------

Termasuk belanja Pos.

Langganan sekurang-kurangnya 6 bulan.

Alamat kepada:

QALAM

356 & 358, Geylang Rd.,

Singapore-14.